

UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI PADA 17^{HB} MAC, 1961

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya ucapkan “Selamat Hari Raya Aidilfitri”, kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan seterusnya kepada semua umat Islam Persekutuan Tanah Melayu. Kita semua telah berjaya menunaikan perintah Allah Subhanahu Wataala yang diwajibkan kepada kita, iaitu berpuasa selama sebulan, dan setelah sempurna kewajipan kita itu marilah kita beramai-ramai menyambut hari yang mulia ini, iaitu Hari Raya Aidilfitri, dengan berjabat tangan bermaaf-maafan di antara satu dengan lain dan berziarah kaum keluarga serta sahabat handai kita. Kita semua patut mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, yang telah memberikan kita, kekuatan untuk berpuasa sebulan lamanya itu.

Di dalam bulan puasa ini, untuk memuliakan bulan itu kita semua telah membaca Al Quran di mesjid-mesjid dan surau-sarau dan rumah-rumah dan pada tahun ini kita telah berjaya mengadakan pertandingan membaca Al Quran seperti tahun yang lalu akan tetapi pertandingan pada tahun ini adalah lebih besar dan lebih meriah daripada tahun yang sudah-sudah oleh sebab kita berjaya menjemput wakil-wakil dan peserta-peserta dari negeri-negeri Islam yang berjiran dengan kita. Pada empat malam berturut-turut cahaya Islam telah memancar dalam Stadium Merdeka itu bukan sahaja ke seluruh tempat di Tanah Melayu ini bahkan ke seluruh Negara-negara Islam di Tenggara Asia. Dengan izin Allah Subhanahu Wataala kita berharap hendak mengadakan pertandingan yang lebih besar lagi pada tahun hadapan dengan menjemput peserta-peserta dari Negeri-negeri Islam di seluruh dunia. Inilah cara bagi Kerajaan Persekutuan bukan sahaja untuk menggalakkan orang-orang Islam membaca dan memahami isi kandungan kitab suci Al Quran itu bahkan juga untuk meninggikan taraf dan mutu Ugama Islam kita yang maha suci itu yang telah dijadikan Ugama Resmi di Negara kita. Kejayaan pertandingan membaca Al Quran ini telah mendapat pujian daripada wakil-wakil yang datang dari luar negeri. Oleh itu saya berseru kepada umat Islam Tanah Melayu ini supaya menggalakkan

membaca Al Quran dan mengetahui isi kandungan kitab suci itu supaya kita mendapat nikmat daripada Allah **Subhanahu Wataala** di dunia dan di akhirat.

Hari Raya Aidilfitri tahun ini ialah suatu Hari Raya yang bersejarah, oleh sebab inilah pertama kali kita dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan aman dan sempurna, Inilah Hari Raya yang pertama semenjak kita telah berjaya menamatkan darurat yang telah berada pada kita lebih dua belas tahun lamanya itu. Syukurilah kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala disebabkan Negara kita telah menjadi aman dan kita semua dapat menjalankan usaha kehidupan masing-masing dengan tenang dan sempurna. Oleh itu, sambil menyambut hari yang mulia dan bahagia ini marilah kita bersama-sama mengingatkan roh-roh mereka-mereka yang telah mengkorbankan jiwanya kerana mempertahankan Negara kita dan bagi keamanan Negara kita ini. Kita senantiasa ingat kepada mereka itu dan kita junjung tinggi jasa dan pengurbanan mereka. Kepada kaum keluarga mereka itu yang tinggal saya ucapkan selamat Hari Raya dengan khasnya dan saya berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan mereka itu berada dalam keadaan selamat dan sempurna.

Kepada ahli-ahli Tentera kita, baik Tentera Darat, Laut dan Udara dan kepada Ahli-ahli Pasukan **Polis Diraja serta Ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita** yang lain, saya ucapkan selamat Hari Raya. Negara kita dan rakyatnya sekalian berhutang budi kepada mereka itu yang telah berjaya mempertahankan dan mengamankan Negara kita ini. Ada setengah-setengah daripada Ahli-ahli Pasukan Keselamatan yang terpaksa menjalankan kewajibannya pada masa kita berhari raya ini. Dan iSetengah daripada mereka itu berada di sempadan antara Negeri Siam dengan **Tanah Melayu** kerana masih lagi ada saki-baki pengganas-pengganas komunis di situ. Kepada mereka yang terpaksa menyambut Hari Raya dalam keadaan yang tidak sempurna itu oleh sebab tanggungjawabnya saya ucapkan "Selamat Hari Raya" yang istimewa. Marilah kita berdoa mudah-mudahan dapat kita segera menghapuskan saki-baki pengganas-pengganas komunis yang masih ada lagi di sempadan Negara kita dengan Negeri Siam itu.

Pada masa ini juga ada sebahagian daripada Tentera kita yang terpaksa berkhidmat di luar negeri iaitu di Congo.

Mereka itu adalah menjalankan satu tugas yang penting dan **mustahak** iaitu tugas **bagi** keamanan dunia. Kepada mereka itu kita ucapkan “**Selamat Hari Raya**” yang khas. Kita semua di Tanah Melayu menjunjung tinggi **perkhidmatan** yang telah dijalankan oleh mereka-mereka itu. Saya percaya mereka itu faham bahawa rakyat Persekutuan Tanah Melayu seluruhnya, sambil menyambut hari yang bahagia ini, senantiasa ingat kepada mereka itu. Kita telah memberi pertolongan sedikit sebanyak dengan menghantarkan kueh-kueh dan juga Pasukan Penghibur, supaya dapat mereka itu menyambut Hari Raya ini **dalam** keadaan yang berpatutan. Kepada anak-isteri dan kaum keluarga mereka itu saya suka juga mengucapkan “Selamat Hari Raya”. Kepada anak-isteri mereka Kerajaan dan orang ramai juga adalah memberi bantuan-bantuan sedikit sebanyak supaya mereka itu dapat menyambut Hari Raya ini dengan sempurna. Marilah kita semua berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, mudah-mudahan keadaan di Congo itu dapat diamankan dengan segera supaya perajurit-perajurit kita itu dapat balik ke tanah air mereka dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Dengan menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini kita telah pun masuk kepada tahun yang ke empat dalam sejarah kemerdekaan Tanah Air kita. Kita dapati keadaan di Negeri kita semakin hari semakin bertambah baik. Di dalam **hal-hal luar** negeri, Negeri kita yang kecil ini adalah **mempunyai** nama yang sangat baik di antara bangsa-bangsa di dunia. Dengan anjuran dan panduan yang bijaksana oleh Perdana Menteri kita, suara kita adalah **didengari** dan **dihormati** oleh dunia. Sungguhpun sebagai satu negara yang kecil yang baharu mencapai kemerdekaan, kita telah berjaya mengambil bahagian yang penting dalam **hal menyelesaikan** dan **mengatasi** masalah-masalah di antarabangsa. Pada masa ini pun, Yang Teramat Mulia Tunku, Perdana Menteri kita, **masih** berada di London kerana menjalankan tugas Negara kita, **menghadiri** persidangan Perdana-perdana Menteri Commonwealth. Kepada Yang Teramat Mulia Tunku kita semua di sini mengucapkan “Selamat Hari Raya”, dan kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan segala pekerjaan yang diperbuat olehnya akan mendapat setinggi-tinggi kejayaan.

Dalam hal-hal dalam negeri keadaan Negara kita bertambah-tambah maju dan iktisad Negeri kita bertambah kuat. Sekarang sampailah kita kepada zaman kemajuan dan pihak Kerajaan telah

melancarkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua iaitu satu rancangan kemajuan yang besar yang belum pernah lagi dilancarkan pada masa yang lalu. Kerajaan berazam hendak menjalankan kemajuan-kemajuan terutama sekali di kawasan-kawasan di luar bandar supaya penduduk-penduduk negeri ini dapat mempunyai keadaan hidup yang lebih sempurna dan taraf hidup yang lebih tinggi dan baik daripada yang ada sekarang ini. Bagi pihak Kerajaan, rancangan-rancangan telah pun mulai dijalankan. Jalan-jalan raya, bekalan-bekalan air, tempat-tempat perubatan, sekolah-sekolah dan sebagainya sedang dibina di seluruh tempat-tempat di Persekutuan Tanah Melayu. Kerajaan Persekutuan telah menunaikan janjinya dan menunjukkan keazamannya yang sebenar-benarnya bagi memperbaiki keadaan hidup rakyat dalam negeri ini, terutama mereka-mereka penduduk di luar bandar.

Sekarang tibalah masanya pula bagi penduduk negeri ini sekalian mengambil bahagian dalam rancangan ini dan memberi kerjasama dengan sepenuh-penuhnya, kerana pekerjaan memperbaiki keadaan hidup rakyat tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna melainkan rakyat sendiri berusaha dan bertenaga membesar dan meluaskan mata pencarian masing-masing. Oleh itu, sambil kita berjabat tangan menyambut hari bahagia ini, marilah kita semua berazam supaya bekerja bersungguh-sungguh memajukan keadaan hidup kita. Kita akan bekerja dengan lebih giat lagi di atas tanah-tanah dan kebun-kebun kita dan kita akan mengeluarkan hasil barang-barang dengan lipat ganda. Kita akan tebang dan tebas segala hutan rimba dan tanam barang-barang makanan dan barang-barang lain yang mengeluarkan hasil. Kita akan baiki rumah tangga kita dan bersihkan kampung halaman kita. Kesimpulannya kita semua akan bekerja dengan sepenuh-penuh tenaga dan dengan seberapa daya upaya kita bagi menambahkan mata pencarian kita supaya pada tahun hadapan kita akan dapat, dengan izin Allah Subhanahu Wataala, menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan yang lebih sempurna dan lebih baik, bagi diri kita, anak-isteri dan kaum keluarga kita semua.

Sekianlah sahaja, sekali lagi saya ucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri", "Selamat Berjaya, Tinggi mutu Ugama kita, Maju Bangsa dan Negara kita".